



UNIVERSITI ISLAM PAHANG
SULTAN AHMAD SHAH

جامعة السلطان احمد شاه الإسلامية بپهانج
SULTAN AHMAD SHAH PAHANG ISLAMIC UNIVERSITY

Universiti Islam Pahang
Sultan Ahmad Shah (UnIPSAS)
Km 8, Jalan Gambang, 25150 Kuantan,
Pahang Darul Makmur.
T : + 609 553 5555 F : + 609 536 4421
www.unipsas.edu.my

#MajuTerusPahang

#Pahang1st

Ruj.Kami : Bil (68) dlm. UnIP (P) 2/250
Tarikh : 2 Ogos 2024

GRADUAN SESI 2023

Assalamualaikum wrt. wbh.,

Saudara/i,

JEMPUTAN KE ISTIADAT KONVOKESYEN KE-21 UNIVERSITI ISLAM PAHANG SULTAN AHMAD SHAH (UnIPSAS)

Semoga saudara/i berada dalam limpahan rahmat Allah dan sentiasa sihat walafiat, selamat serta dilindungi Allah SWT hendaknya.

2. Seluruh warga UnIPSAS mengucapkan **TAHNIAH** kepada saudara/i yang telah berjaya menamatkan pengajian dalam bidang masing-masing. Sempena kejayaan ini, pihak UnIPSAS dengan sukacitanya menjemput saudara/i dan **DUA (2) orang** ahli keluarga untuk menghadiri Istiadat Konvokesyen ke-21 UnIPSAS seperti ketetapan berikut:

Tarikh/Hari/Masa : 9 September 2024, Isnin, 7.30 Pagi
Tempat : Dewan Jubli Perak Sultan Haji Ahmad Shah, Kuantan
Pakaian : Rujuk Buku Panduan Graduan

3. Saudara/i **DIWAJIBKAN** untuk menghadiri sesi Raptai Istiadat Konvokesyen ke-21 UnIPSAS pada 8 September 2024 (Ahad), di Dewan Jubli Perak Sultan Haji Ahmad Shah, Kuantan, jam 9.30 pagi, berpakaian sopan dan menutup aurat.

4. Saudara/i dikehendaki memuat turun borang dan maklumat berkaitan dengan Istiadat Konvokesyen ke-21 melalui pautan <https://unipsas.edu.my/konvokesyen-ke-21-unipsas/> dan mengesahkan kehadiran di pautan berikut <https://plu.sh/pengesahankehadirangraduan2024> **sebelum 12 Ogos 2024 (Isnin), jam 5.00 petang.**

5. Saudara/i yang masih mempunyai tunggakan hutang dikehendaki menjelaskan hutang **sebelum 30 Ogos 2024** untuk mengelakkan saudara/i **TIDAK LAYAK** bergraduat. Semakan baki hutang boleh dibuat di Pejabat Bendahari, UnIPSAS atau di talian 09-553 5555.

6. Kerjasama saudara/i untuk mematuhi perkara di atas adalah sangat penting untuk memastikan kelancaran Istiadat Konvokesyen ke-21 UnIPSAS. Saya mendoakan agar semuanya terus mencapai kecemerlangan dalam kehidupan di dunia dan akhirat serta bermanfaat kepada masyarakat, Agama dan Negara.

Sekian, Wassalam.

'TAKAMUL, TARBIAH, TAJDID'

Saya yang menjalankan amanah,

(PROFESOR DATO' DR. HAJI MOHD ZAWAWI BIN ZAINAL ABIDIN,
DSAP., SMP., AMP.)
Naib Canselor
Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah



SIRIM
CERTIFIED TO ISO 9001:2015
CERT. NO : QMS 02742



SIRIM
CERTIFIED TO MS 1900:2014
CERT. NO : QMI 00123